

02 DEC 1997

MALAYSIA AIRLINES BELI JET BOEING

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Malaysia Airlines hari ini menempah pesawat jet bisnes B737-700 daripada syarikat American Boeing untuk hantaran pada Disember 1999.

Urus janji, yang dicapai sempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa (LIMA '97) ditandatangani oleh pengarah urusan MAS, Datuk Wan Malek Ibrahim dan presiden Boeing Business Jet, Borge Boeskov.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi MAS Tan Sri Tahudin Ramli menyaksikan majlis tersebut.

"Jet bisnes adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk memberi pakej pengembaraan yang lengkap kepada pelanggan kami," kata Wan Malek.

"Apabila lebih banyak lagi syarikat-syarikat Malaysia menjadi global, potensi untuk pengembaraan korporat adalah besar."

MAS tidak pula membayangkan harga pesawat terbabit.

Dr Mahathir turut menyaksikan dua lagi majlis pemeeteraian perjanjian kemudian. Sebuah perjanjian antara Aviation Blade Services Inc dari Amerika Syarikat dan dan Plus and Plus Technologies Sdn Bhd akan membuka jalan untuk menubuhan usahasama dalam negeri bagi membaikpulih dan menyenggara kipas helikopter.

Aviation Blade diwakili oleh presidennya, David M Stutes, manakala Plus and Plus oleh pengurusinya, Khalid Emran Yusof.

Perjanjian satu lagi adalah antara Dectra Sdn Bhd dan Mincom Pty Ltd, menawarkan sistem logistik automatik angkatan tentera dalam negeri.

Pengarah eksekutif Dectra Mej Jen (B) Datuk Ahmad Ibrahim dan pengarah Mincom bagi bahagian perniagaan pertahanan antarabangsa, Des Scherman, menandatangani perjanjian berkenaan. -- BERNAMA

JM MA